

Penjajaran jalan 16 bulan

KUALA LUMPUR: Sebahagian Jalan Bukit Bintang hingga ke persimpangan Jalan Sultan Ismail dan Jalan Bulan 1 off Jalan Bukit Bintang, akan dibuat penjajaran semula selama 16 bulan mulai 15 Oktober bagi memudahkan kerja pembinaan stesen MRT Bukit Bintang.

Dalam kenyataan di sini semalam, MRT Corp berkata, penjajaran semula sementara itu tidak membatikan pengurangan tiga lorong seperti yang ada sekarang, termasuk di kawasan kerja berkenaan dijalankan.

Katanya, pelan pengurusan lalu lintas yang cekap akan disediakan, manakala papan tanda dan kon dipasang di tapak pembinaan bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya dan pejalan kaki.

"MRT Corp mohon maaf atas kesulitan yang dialami orang ramai sepanjang tempoh pembinaan itu.

"Kami sedang membina kemudahan pengangkutan awam bertaraf dunia," katanya. - Bernama